

25/08/2002

Guru, pelajar digalak semarak bulan merdeka

PASIR GUDANG: Kementerian Pendidikan sentiasa menggalakkan guru dan pelajar mengadakan program berfaedah sepanjang bulan kemerdekaan bagi memupuk semangat patriotisme di kalangan generasi muda.

Menterinya, Tan Sri Musa Mohamad, berkata selain itu, institusi pengajian tinggi (IPT) seharusnya menganjurkan program sama menerusi kelab pelajar dan diisi dengan kegiatan seperti sambutan ambang kemerdekaan.

Katanya, golongan guru boleh menyemarakkan lagi semangat patriotik di kalangan pelajar dengan mengaitkan perjuangan tokoh masa lampau bagi mendapatkan kemerdekaan daripada penjajah.

"Pendekatan seperti ini boleh meninggalkan kesan mendalam di kalangan pelajar bagi menghayati erti kemerdekaan negara," katanya ketika berucap di majlis penutupan Perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar Kebangsaan 2002 yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Stadium Perbadanan, di sini, semalam.

Seramai 1,020 pemimpin pelajar dari seluruh negara termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, mengambil bahagian dalam perhimpunan selama empat hari itu.

Perhimpunan kali kedua itu yang bertujuan memupuk semangat patriotisme di kalangan pelajar, diisi dengan pelbagai aktiviti termasuk program menjenguk desa dan daerah di seluruh Johor, mengimbas sejarah, perhimpunan raksasa, motivasi kepemimpinan dan mengenali tokoh serta perwira negara.

Musa berkata, program berkenaan turut menerapkan konsep kehidupan harmoni dan bersatu padu di kalangan masyarakat berbilang kaum, yang dipupuk sejak di bangku sekolah, demi kemajuan negara.

"Ini penting kerana pelajar adalah golongan pelapis yang bakal mewarisi kepemimpinan negara yang bertanggungjawab mempertahankan kemerdekaan negara ini," katanya.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, pula berkata, semangat cintakan negara adalah paksi kepada kemajuan, kesejahteraan dan kemakmuran.

Beliau berkata, tanpa kefahaman yang jelas, kesedaran yang jitu terhadap kemerdekaan, tidak akan wujud rasa bangga, kepunyaan dan kekitaan di kalangan rakyat, terutama generasi muda selepas merdeka.

"Sepanjang beberapa hari berada di Johor, mereka (pemimpin pelajar) didedahkan dengan selok-belok perjuangan tokoh seperti bapa pemodenan Johor, Sultan Abu Bakar dan bapa perpaduan rakyat, Dato' Onn Jaafar.

"Kita bukan saja perlukan kemerdekaan tanah air, tetapi juga merdeka dari segi ekonomi, minda dan pemikiran. Ini sejajar dengan tema perhimpunan ini, Patriotisme Memperkasa Perjuangan Bangsa, Berteraskan Sains dan Teknologi," katanya.